



Sabtu 8 Oktober 2016 • Sinar Harian 41

SENTRAL



Mohamed (dua, kiri) mengiringi Zainal Aalam (kiri) menemui peserta kursus berkenaan.

Kerjasama Selatan-Selatan

NILAI - Kursus Kejurulatihan Rekabentuk Pengajaran Bahasa Inggeris Secara Dalam Talian bukan sekadar bertujuan berkongsi ilmu dan kemahiran, malah berupaya mengeratkan lagi hubungan Selatan-Selatan iaitu sesama negara membangun.

Pengarah Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris (ELTC), Dr Mohamed Abu Bakar berkata, sejak diperkenalkan pada 2012, kira-kira 98 peserta dari 38 negara sudah menyertai kursus yang dilaksanakan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) itu.

"Ini adalah program G2G (Government-to-Government). Tujuannya untuk meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan dengan memberikan sokongan kepada negara membangun melalui pertukaran pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik," katanya.

Pada masa sama, kata beliau, ikatan yang terbina melalui program berkenaan juga dapat

membantu memperkenalkan Malaysia dalam sektor pelancongan.

"Selain pelancongan, kita juga berpeluang mengetengahkan kepakaran tenaga pengajar di negara ini. Ini untuk menarik minat warga asing menyambung pengajian di Malaysia.

"Bagi edisi kali ini, kita menerima kehadiran 16 peserta dari Azerbaijan, Bhutan, Cambodia, Indonesia, Laos, Nepal, Filipina, Turkmenistan, Tuvalu, Uzbekistan, Vitenam dan Zambia," katanya pada Majlis Penutup MTCP 2016, di sini, petang kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr Zainal Aalam Hassan yang mewakili Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof; Timbalan Pengarah ELTC, Zainab Yusof dan Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa) Kementerian Luar Negeri, Beh Ching Chye.

...berusaha untuk meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan dengan memberikan sokongan kepada negara membangun melalui pertukaran pengalaman, pengetahuan dan amalan terbaik, katanya.

...pada masa sama, kata beliau, ikatan yang terbina melalui program berkenaan juga dapat membantu memperkenalkan Malaysia dalam sektor pelancongan.

...selain pelancongan, kita juga berpeluang mengetengahkan kepakaran tenaga pengajar di negara ini. Ini untuk menarik minat warga asing menyambung pengajian di Malaysia.

...bagi edisi kali ini, kita menerima kehadiran 16 peserta dari Azerbaijan, Bhutan, Cambodia, Indonesia, Laos, Nepal, Filipina, Turkmenistan, Tuvalu, Uzbekistan, Vitenam dan Zambia, katanya pada Majlis Penutup MTCP 2016, di sini, petang kelmarin.

...turut hadir, Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr Zainal Aalam Hassan yang mewakili Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof; Timbalan Pengarah ELTC, Zainab Yusof dan Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa) Kementerian Luar Negeri, Beh Ching Chye.